# Kejayaan bermakna MPK

KUANTAN - Kejayaan bermakna buat Pasukan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) apabila berjaya mempertahankan kejuaraan pada aksi akhir Liga Bolasepak Divisyen 1 Kuantan di Stadium Darul Makmur, baru-baru ini.

Pasukan MPK dinobatkan juara selepas menewaskan Youngstar FC 1-0 pada perlawanan terbabit.

Pengurus pasukan, Khairil Suhardi Khalid Rani berkata, kejayaan itu cukup bermakna buat skuad itu apabila mampu mempertahankan kejuaraan yang dimenangi musim lalu.

Beliau mengakui tidak menyangka akan melakar kejayaan sekali lagi pada perlawanan tahun ini.

"Saya amat berterima kasih kepada semua pemain yang bermain dengan penuh komited biarpun sedar Youngstar FC sebuah pasukan kuat dan bagus.

"Namun, apa dapat saya lihat semangat juang tinggi dan pengalaman yang dimiliki pemain yang sebahagian besar beraksi di final musim lalu membantu MPK mengekalkan kejuaraan," katanya.

Kemenangan tersebut menyaksikan MPK meraih wang tunai RM4,000, medal dan piala pusingan.

> *"Saya amat berterima kasih kepada semua pemain yang bermain dengan penuh komited biarpun sedar Youngstar FC sebuah pasukan kuat dan bagus."*
> - Khairil Suhardi

Sementara itu, Youngstar FC selaku naib juara pula menerima RM2,500 dan medal.

Dalam pada itu, Khairil Suhardi memberitahu, kemenangan berkenaan juga kerana sokongan semua pihak termasuk Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh.

"Kami bangga kerana MPK termasuk Fadzilla Salleh sendiri memberi sokongan dan hasilnya kejayaan berpihak kepada pasukan," katanya.




Pemain bersama hadiah kemenangan mereka masing-masing.